




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 29 RABU 22 JULAI 1970 1390 جمادی الاول رابو 18 PERCHUMA



D.Y.M.M. sedang melafadzkan titah sa-bagai membala ushapan2 sembah keshukoran di-Istiadat Mengadap pada hari Rabu lepas. Bersama2 Baginda ia-lah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

HASIL NEGERI BERTAMBAH BERIKUTAN DENGAN PINDAAN UNDANG2 MELOMBONG MINYAK

— MENTERI BESAR

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menerangkan beberapa kemajuan besar yang di-chapai di-negeri ini termasok di-segi bertambahnya pendapatan hasil negara dari perusahaan minyak yang terkenal itu.

Beliau berkata bahawa pengeluaran minyak di-Seria telah meningkat kapada satu angka yang tinggi sekali dalam sejarah padang minyak itu sa-jauh ini.

Ini, tegas beliau, ada-lah sa-bagai kesan yang baik berikutan dengan pindaan terhadap undang2 minyak yang menyebabkan pertambahan hasil itu di-perolehi.

Ini ada-lah terkandong dalam sabda Yang Amat Mulia itu bagi pehak kerajaan dan raayat yang di-sampaikan beliau di-hadapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan di-Istiadat Mengadap dan menyembahkan ushapan2 di-Lapau pada hari Rabu lepas.

Istiadat yang penting itu ada-lah bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun. Beberapa perwakilan dari seluruh lapisan penduduk telah juga menyembahkan ushapan2 keshukoran mereka.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara selanjutnya bersabda bahawa untuk menambahkan pendapatan negara, maka beberapa buah sharikat minyak yang baru yang telah menerima persetujuan dari kerajaan telah mula mengendalikan pencharian minyak di-kawasan2 di-negeri ini.

Satu lagi langkah bagi mempelbagaikan perusahaan2 negeri ini, maka satu usaha yang menggunakan gas ia-itu usaha LNG telah tertuboh sa-bagai

(Lihat Muka 8)

TITAH D.Y.M.M. KPD SELUROH RAAYAT

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah melafadzkan titah kapada seluruh raayat dan penduduk di-negeri ini dalam Istiadat Mengadap di-Lapau, bersempena menyambut hari keputeraan Baginda yang ke-24 tahun pada hari Rabu lepas.

Baginda melafadzkan titah itu sa-bagai membala ushapan2 keshukoran yang telah di-sembah oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim bagi pehak kerajaan dan raayat, Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, bagi pehak Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, Kerajaan dan raayat United Kingdom, penduduk2 British di-Brunei serta kaki-tangan Surohanjaya Tinggi British, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, sa-bagai wakil Wazir2, Cheteria2, kerabat2 di-raja dan menteri2 termasok menteri pendalam dan ushapan keshukoran dari puak dan kaum, persatuan serta lain2 pertubuhan di-Daerah Brunei-Muara yang tidak di-bachakan.

Titah Baginda dalam Istiadat tersebut itu ada-lah saperti berikut:

“DENGAN mendahului Alhamdulillah Wal-Shukorilah kerana dengan izin-Nya Beta dapat hadir di-istiadat hari ini serta berpandang wajah dengan laila hadhirin sekalian di-majlis merai’kan ulang puja usia Beta yang ke-24 tahun dan sa-bagai mengambil sempena laila suhud baik Beta serta dengan mengata salawat kepada Nabi kita s.a.w.

Beta uchapkan berbanyak2 terima kaseh kepada Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei atas ushapan-nya yang iklas itu, kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha sa-bagai menyembahkan keshukoran laila sambutan kaum di-raja, wazir, cheteria, menteri2 pendalam dan demikian juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan melalui beliau, raayat dan penduduk2 Negeri Brunei Darus-salam atas keshukoran mereka, wakil2 kaum, badan2 kebaikan dan belia dari seluruh tanah ayer.

Pada hari keputeraan Beta ini, Beta juga ikut sama bershukor kepada Allah Subahanahu-wataala kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, maka hasil2 dan nekmat2 kemajuan yang baru saja di-sembah oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu sudah mula di-rasai khas-nya oleh raavat Beta yang di-kasehi sekalian dan sekalian penduduk2 yang berada di-negeri ini. Untuk ini laila kaseh Beta terima dan penghargaan kapa-

da Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan melalui beliau pegawai2 perkhidmatan pentadbiran Brunei, Ketua2 Jabatan, serta pegawai2 kerajaan yang lain yang telah berjaya melaksanakan antara hasrat2 yang di-niatkan untuk meninggikan lagi taraf penghidupan raayat Beta dan penduduk2 di-negeri ini sekalian muda2an jasa baik Awang2 dan Dayang2 itu akan di-terima sa-bagai ibadah dan amal yang salih, kekal dan berkekalan tugas laila usaha yang jujur dengan izin Allah Subahanahu-wataala.

Bersempenakan hari ini Beta ingin menegaskan sekali lagi betapa penting-nya pada negeri kita Brunei Darus-salam ini ia-itu terutama sekali dengan keadaan suasana jiran di-sekeliling sa-bagai mithal menghalakan tujuan hakikatnya ka-arah ka-politikkan helah atau jika tujuan dari segi hakikat ini benar maka akan menyentoh ayat makatsi.

Raayat Beta yang laila di-kasehi,

Pertahanan negeri ini mustahak di-perkuatkan dan di-pesatkan lagi supaya mengehad sa-barang pencherobahan terhadap raayat Beta yang di-kasehi sekalian dan negeri yang terchinta ini. Sa-sungguhnya saperti yang di-sembah oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu tadi bahawa ketenteraman dan keamanan raayat di-negeri Brunei Darus-salam ini ada-lah sharat asas bagi nekmat perkembangan2 sosial dan ekonomi yang di-rancangkan sa-mata2 untuk kebahagian negeri dan faedah raayat Beta yang di-kasehi sekalian. Dalam hal ini Beta akan meneruskan perundungan2 hasil dari nasihat dari ayahanda Beta yang mana ayahanda Beta merundingkan soal ini bagi mengukohkan lagi perjanjian urusan2 pertahanan dengan kerajaan Baginda Queen bagi mempertahankan keselamatan luar dan dalam Negeri Brunei sambil memperlengkap lagi angkatan2 pulis dan askar kita sendiri.

Berhabit dengan ini kelengkapan2 yang lebih moden, latehan2 yang lebih luas dan pesat dengan izin Allah akan terus di-jalankan bagi kedua2 angkatan bersenjata. Oleh kerana pertahanan itu ia-lah sunt aspek kehidupan raayat penduduk dan laila isi negeri Beta tidak pula boleh di-pisahkan, bahkan akan mengukohkan soal pertahanan saperti Beta sebutkan

(Lihat Muka 8)

T. Y. T. Pesurohjaya Tinggi British menyembahkan uchapan keshukoran

BANDAR BRUNEI. — Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair telah menyembahkan uchapan tahniah yang sa-tinggi-nya kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei atas ulang tahun hari kupeteraan Baginda yang ke-24.

Awang Adair telah menyembahkan uchapan keshukoran itu bagi pehak Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, kerajaan dan raya United Kingdom, seluruh penduduk British di-Brunei, kaitangan Surohanjaya Tinggi British dan bagi pehak diri dan isteri-nya di-Istiadat Mengadap di-Lapau Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

Awang Adair berkata, dengan kecekapan Duli Yang Maha Mulia selaku nakhoda, maka bahtera negeri dapat belayar dalam keadaan yang tenang, raya di-negeri ini telah mencapai satu darjah yang tinggi di-bidang kesihatan, pelajaran dan pembangunan negara dan kemakmoran serta kebajikan kapada golongan masyarakat ada-lah nyata terbukti di-semua lapangan.

Beliau berkata, dalam tahun lepas telah tercapai banyak kemajuan dalam berbagai bidang pembangunan yang telah di-mulakan oleh Duli Yang Maha Mulia dan tanda2 bagi masa hadapan ada-lah sangat baik.

"Dengan terlaksana-nya projek Perusahaan Gas Asli itu, tentu sekali akan dapat menambah lagi hasil mashul negeri ini," tegas beliau.

Tuan Yang Terutama itu berkata perkembangan dan penyatuan Askar Melayu Di-Raja Brunei sa-bagai satu sumber yang menjamin keamanan dan ketenteraman yang berkekalan bagi Negeri Brunei ada-lah satu sumber yang memuaskan hati.

Awang Adair menambah-kata, peranan yang penting yang akan diambil oleh regi-ment itu dalam pertunjukkan tattoo di-United Kingdom itu pada tahun ini ada-lah satu perkara yang menjadi keme-gahan pada Brunei khas-nya kapada Colonel In-Chief pasukan itu, Duli Yang Terutama Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

LUMBA PERAHU

TUTONG. — Lumba perahu telah di-masukan dalam ran-changan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 di-Daerah Tutong.


Lumba perahu akan di-adakan di-Sungai Tutong pada 25 Julai mulai pukul 8.00 pagi.

Perlumbaan itu ada-lah terbuka kepada penduduk2 Tutong sahaja.

Hanya perlumbaan moto sang-kut 40 kuda sahaja terbuka kepada penduduk2 di-seluruh negeri.



T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi British
Awang A. R. Adair



105 orang di-kurniakan bintang2 dan pingat2 kebesaran

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan bintang2 dan pingat2 kebesaran Negeri Brunei kapada 105 orang bersem-penan menyambut hari kepu-teraan Baginda ke-24 tahun.

Senarai pengurniaan tersebut telah di-bachakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid di-Istiadat Mengadap di-Lapau Bandar Brunei pada hari Rabu yang lalu.

Istiadat mengurniakan bin-tang2 dan pingat2 kebesaran itu akan di-adakan di-suatu tarikh yang akan di-tetapkan nanti.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela Dato Utama Awang Haji Mohammad Yusof bin Pehin Jawatan Dalam Awang Haji Mohammad Hussain telah mengepalai senarai pengurnia-an itu dengan di-kurniakan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Darjah Pertama — D.K.

Ini di-ikuti oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Di-Raja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dengan di-kurniakan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Darjah Kedua — D.K.

Enam orang telah di-kurnia-kan Darjah Setia Negara Bru-

nei Yang Amat Bahagia Dar-jah Kedua — D.S.N.B.

Mereka ia-lah Sir Ivo Rigby, Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia Dato Seri Laila Jasa Awang P. A. Coates, Dato Paduka Awang Mohammad Taib bin Awang Besar, Awang R. A. B. Clough, Yang Berhormat Pehin Datu Saudagar Dato Seri Laila Jasa Awang R. T. Lloyd Dolbey dan Col. J. J. H. Simpson.

Duli Yang Maha Mulia te-lah mengurniakan Darjah Pa-duka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D. S. L. J. kapada empat orang.

Mereka ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Pengiran Anak Tajuddin bin Pengiran Haji Abdul Momin, Awang N. C. Peat, Awang J. J. Hogg dan Major D. J. Cut-field.

D.S.P. Pengiran Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pen-giran Haji Apong, Awang R. Brunet de Rochebrune, Awang Metali bin Othman dan Pen-giran Damit bin Pengiran Metussin di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hor-mati Darjah Kedua D.P.M.B.

Lain2 yang telah di-kurniakan bintang2 dan pingat2 itu ada-lah seperti berikut:

Perwira Agong Negara Brunei Darjah Pertama — P.A.N.B.

P/W M. Flinn.

Perwira Agong Negara Brunei Darjah Kedua — Pa N. B.

Awang Ta'aim bin Ahmad.

(Lihat Muka 6)

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang menembak dengan menggunakan senapang auto-matik jenis baru yang di-pu-nyai oleh pasukan Askar Mela-yu Di-Raja Brunei ketika Ba-ginda mengadakan lawatan ka-khemah latehan AMDB di-Ulu Belait baru2 ini.

Dalam lawatan tersebut, Ba-ginda telah di-iringi oleh Pegawai Pemerintah AMDB, Dato Setia Col. J. J. H. Simpson.

Majlis tari menari hari keputeraan

BANDAR BRUNEI. — Majlis tari menari akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatuan Bandar Brunei pada 1 Ogos ia-itu sa-bahagian dari achara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba-ginda Sultan bagi Daerah Brunei.

Sa-orang juruchakap peng-anjur majlis itu berkata, pe-menang tiket yang bernasib baik, akan di-hadihkan satu tiket perchuma kapal terbang pergi dan balek ka-Singapura.

Pemenang tiket meja juga akan di-hadihkan satu tiket perchuma kapal terbang ulang alek ke-Kota Kinabalu, dengan dua hari tinggal perchuma, oleh Sharikat Pemunggahan Melayu Bandar Brunei.

Hadih2 juga akan di-beri-kan kapada pemenang2 tarian sport-dance.

Tiket2 masuk berharga \$5.00 untuk pasangan dan \$3.00 per-saorangan, boleh di-beli dari Star Book Store Jalan Sultan Bandar Brunei. Sementara itu, tiket2 meja berharga \$5.00 ju-ga akan di-jual tidak berapa lama lagi.

Di-antara anak, isteri dan harta kadang kala menjadi musoh dalam hidup

BARANG di-ketahui bahawa harta dan anak ada-lah satu per-kara yang di-kehendaki oleh manusia di-dalam hidup dan kehidupan di-dunia dan menjadi satu asas yang kuat di-dalam pergaulan sa-hari2 di-antara masharifikat-nya.

Sa-balek-nya anak dan harta ini juga ada di-antara-nya menjadi penghalang kapada membuat pekerjaan terutama per-kara akhirat dan kadang kala anak dan isteri itu menjadi musoh yang kita tidak sedari pada menyampaikan maksud2 mereka yang membawa sa-seorang itu membuat dosa dan kejahanatan atau mendurong kapada kerugian dan kebinasaan. Oleh itu-lah di-katakan bahawa ada di-antara anak dan isteri itu menjadi musoh bagi kamu Perkara ini telah di-terangkan oleh Allah dalam firman-nya di-surah Al-Taghabun ayat 14 dan 15 yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman, sa-sunggoh-nya ada di-antara isteri dan anak2 kamu menjadi musoh bagi kamu, sebab itu berhati2-lah terhadap mereka, tetapi kalau kamu suka memaafkan dan berhati la-pang serta membuat keampunan, sa-sunggoh-nya Tohan itu maha pengampun lagi penya-yang dan bahawa harta benda dan anak2 kamu hanya-lah menjadi ujian di-sisi Tohan ada pahala yang amat besar".

Di-dalam ayat2 yang tersebut di atas, Allah Subhanahu-Wa-ta'ala telah memberi ingat kapada umat Islam yang mempunyai anak isteri serta harta benda supaya jangan-lah hendaknya isteri, anak dan harta benda itu yang pada asal-nya ada-lah satu2-nya nikmat daripada Allah akan menjadikan-nya ke-

Tawaran bagi membawa jemaah2 haji ka-Mekah

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang mempelawa Sharikat2 Pener-bangan untuk membawa je-ma'ah2 haji Brunei menunaikan fardhu Haji ka-Mekah dengan kapal terbang tahun ha-dapan.

Mengikut siaran yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama menyatakan bahawa semua Sharikat Pener-bangan yang menghantar ta-warau mereka hedak-lah me-nyatakan bayaran tambang Brunei/Jedaah pergi balek ba-gi sa-orang dewasa dan sa-orang kanak2 yang berumur 12 tahun kebawah semasa menu-naikan fardhu haji itu.

Sharat2 lain dan kenyataan2 yang perlu mengenai pener-bangan hendak-lah juga di-ter-angkan oleh Sharikat2 Pener-bangan semasa mereka meng-hantar tawaran itu ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama untuk di-pertimbangkan.

Semua permohonan2 menge-nai tawaran itu hendak-lah di-hantar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Brunei tidak lewat pada 15 Ogos hadapan.

KHUTBAH

JUMAAT

susahan dan kebinasaan mere-ka hidup di-dunia dan keru-gian di-akhirat.

Apa yang dapat di-fahamkan dari maksud firman Tohan ta-di ia-lah di-antara anak, isteri dan harta benda itu ia-lah mu-soh atau ujian terhadap kita di-dunia ini oleh sebab itu hen-dak-lah kita menjaga dan men-tadbirkan-nya dengan baik, mo-ga2 perkara2 yang tersebut di atas itu menjadi kebaikan di-dunia dan menambahkan ke-untungan kita di-akhirat kelak.

Yang di-maksudkan anak dan harta itu menjadi keun-tongan dan kebaikan di-dunia dan di-akhirat ia-lah anak yang baik tingkah laku-nya dan ti-dak derhaka kapada kedua ibu bapa-nya, sa-terus-nya anak itu sentiasa membuat suruhan Allah dan meninggalkan larang-an-nya. Harta pula ia-lah di-belanjakan kapada jalan Allah dan perkara2 yang di-suroh, tidak sekali2 di-gunakan untuk maksiat dan perkara2 yang membawa kerugian.


Oleh itu, maka ada-lah di-serukan kapada kaum muslimin in hendak-nya-lah mengerjakan segala yang di-suroh oleh Allah dan meninggalkan segala apa juga yang di-larang-nya, se-moga kita di-ampuni oleh Allah dan di-masukan ka-dalam golongan orang2 yang salih. Amin rabul almin.

PERTANDINGAN PERENGKAT AKHIR

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan membaca Quran dan shara-han Ugama perengkat akhir akan di-adakan di-Langoon Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei pada 23 dan 24 Julai.

Sa-ramai 12 orang kanak2 lelaki dan 12 orang kanak2 perempuan dari empat daerah di-negeri ini akan mengambil bahagian dalam bahagian masing2 dalam pertandingan itu.

Mereka itu telah di-pilih dalam pertandingan2 perengkat daerah yang telah di-adakan baru2 ini.



Pengantin baru Di-Raja Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiyah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah ketika sedang duduk di atas kenakan di-raja, "Gegandong" dalam perarakan di-Sungai Brunei pada hari Isnin lepas.

Perarakan tersebut ada-lah bagi memperkenalkan kedua2 pengantin Di-Raja itu kapada rakyat jelata.

Perarakan itu bermula dari tam-batan Kastam Di-Raja dan menuju ka-Sungai Lampai, Pulau Si-Bungor, Kampong Setia Kampong Brung Pingai dan Kampong Ta-moi.

Lebih dari 50 buah perahu ber-hias telah mengiringi kenaikan di-raja dalam perarakan itu.

"MALAM PERWIRA"

BANDAR BRUNEI. — Persatuan PERWIRA Kampong Sungai Pandan akan mengadakan "Malam PERWIRA" bertempat di-Dewan Pusat Belia Bandar Brunei pada 1hb Ogos, hadapan.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata di-antara achara yang akan di-persembahkan ia-lah pe-mentasan sa-buah derama dua ba-bak yang berjodolkan "Bunga-Bunga Bangsa".

Satu peraduan nyanyian kerana merebut gelaran 'Bintang Keputeraan' akan juga di-adakan. Per-aduan Bintang Keputeraan ter-buka-kapada lelaki dan perempuan dari Persatuan2 Belia dan Keba-jikan serta sekolah2 di-seluruh ne-geri.

SUNTIKAN CHEGAH KOLERA

KUALA BELAIT. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-Kuala Belait telah membuat ranjangan untuk memberikan suntikan menchegah kolera ka-pada penduduk2 di-kawasan pendalaman daerah itu mulai pada 3 Ogos.

Sa-orang juruchakap jabatan itu di-Kuala Belait berkata, ja-batan tersebut akan menyuntik orang2 di-kawasan2 pendala-man kerana mereka ada-lah jauh dari bandar.

Juruchakap itu berkata, orang2 yang tinggal di-kawasan2 bandaran dapat datang ka-klinik2 kesihatan apabila sahaja tempoh suntikan mere-ka tamat.

Suntikan penchegah kolera ada-lah mustahak sa-lepas ta-mat tempoh enam bulan.

Kempen* menyuntik ubat penchegah kolera sa-chara be-ramai2 telah di-jalankan ber-ikut wabak penyakit itu di-negeri ini pada awal tahun ini.

Jabatan itu telah menjalankan kempen yang sama di-Kampong Ayer dalam bulan lepas.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 Julai 1970 hingga ka-hari Selasa 28 Julai 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
22 Julai		12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
23 Julai		12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
24 Julai		12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
25 Julai		12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
26 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
27 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
28 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-48	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



22hb. Julai, 1970.

EKONOMI NEGARA SEMAKIN KUKOH

MENTERI BESAR Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim ketika berdakwaan sembah pada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan disidik mengadap dan menyembahkan uchapan2 antara lain2 telah menerangkan kemajuan2 yang di-chapai khasnya dibidang kemajuan ekonomi negara.

Di antara yang penting dalam sembah uchapan beliau itu adalah mengenai dengan pengeluaran am minyak di-kawasan Seria yang menurut beliau telah meningkat kapada satu angka yang tertinggi sekali dalam sejarah padang minyak itu. Ini ada-lah merupakan satu kenyataan yang amat baik dan menyenangkan seluruh rakyat terutama pada orang2 yang berfikir dan terpengaruh kapada desas-desus yang pengeluaran minyak di-Seria semakin susut.

Minyak, sa-bagai satu2nya sumber kekayaan Brunei dan dengan tidak sa-chara langsung merupakan satu2nya harapan kapada negeri ini untuk menjawai kemajuan-nya, maka ia-nya tidak sah lagi semantiasa menguasai fizikal2 pun sama ada pehak kerajaan mahu pun orang ramai. Kerana semua pehak ingin supaya padang minyak itu akan tetap mengalarkan minyaknya, apa lagi jika ia-nya semakin bertambah yang sa-chara langsung pula dapat mengukohkan negeri ini.

Dalam semusuh hasrat yang ter-dapat di-negeri ini mengenai dengan padang minyak sumber kekayaan Brunei itu maka hasrat yang paling tebal untuk memperjuangkan kekuhanannya tidak lain dan tidak bukan ia-lah dari kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sendiri. Pegawai2 kerajaan yang bertanggong-jawab ada-lah menyediakan hakikat ini dan adalah satu kekhuitaran yang tidak di-ingini jika sandaran ekonomi negara yang utama itu dalam keadaan yang terancam.

Dalam memikirkan hal ini demikian semasa2nya, maka timbullah paduan ilham untuk mengadakan beberapa pindaan dalam undang2 melompong minyak dan dengan yang demikian ia-nya telah dapat mengeluarkan pertambangan hasil yang di-sifatkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara sa-bagai membawa kemewahan kapada negeri ini jauh akhir-nya. Bukan hanya saatak memindahkan undang2 itu sahaja, tetapi gerakan2 untuk mencari minyak di-bumi Brunei semakin di-perluaskan lagi oleh beberapa buah shirkat minyak yang baru. Dan untuk tidak membikarkan gas asli terbuang, maka satu usaha untuk memperosnya — usaha LNG telah tertubuh sa-bagai usaha bersama Brunei, United Kingdom dan Jepun. Hasil atas usaha ini juga di-yakini sa-penuhnya akan dapat membawakan faedah2 yang besar untuk rakyat negeri ini.



DI-SEKITAR PERAYAAN SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M. KE-24

HARI keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri ke-24 tahun yang jatuh pada 15 Julai lepas telah disambut dengan meriahnya di seluruh negeri.

Perayaan2 sa-lama sa-minggu di-Daerah Brunei-Muara yang bermula 15 Julai lepas akan berakhir hari ini sementara perayaan2 di-lain2 daerah akan di-teruskan sa-hingga akhir bulan ini.

Kemuncak perayaan di-Daerah Brunei-Muara sa-lama sa-minggu itu ia-lah satu upacara perbarisan kehormatan di-Padang Besar Bandar Brunei pada hari Rabu lepas di mana Duli Yang Maha Mulia telah memerlukan dan menerima tabek kehormatan yang terdiri dari anggota2 pulis dan tentera di-bawah arahan Major Mohammad bin Haji Daud.


Duli Yang Maha Mulia telah membela tabek itu diatas sa-buah pentas khas di-bawah upacara perbarisan itu, bersama2 dengan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji

Mohamed Yusof, serta Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir.

Sa-telah upacara tersebut, Duli Yang Maha Mulia bersama2 dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berangkat ka-Lapau pada jam 9.30 pagi untuk Istiadat Mengadap.

Pada Hari Ahad 19 Julai, Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Kuala Belait untuk memerlukan sata perbarisan kehormatan di-padang KBRC dan saterusnya Istiadat Mengadap dan menyembahkan uchagan2 keshukuran dari rakyat dan penduduk di-dalam itu di-Dewan Kemasyarakatan.

Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Daerah Temburong pada pagi semalam untuk menghadiri upacara yang sama di-Pekan Bangar.



D.Y.M.M. telah berangkat ka-Kuala Belait pada hari Ahad untuk berchammar dulu menghadiri istiadat2 menyambut hari keputeraan baginda yang di-adakan di-darjah itu. Gambar atas menunjukkan ketika baginda memerlukan perbarisan kehormatan di-padang KBRC Kuala Belait.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika membela tabek di-istiadat perbarisan kehormatan di-padang besar, Bandar Brunei.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berangkat ka-Lapau, Bandar Brunei untuk hadir dalam Istiadat Mengadap dan menyembahkan uchapan2 keshukuran

Yang Amat Mulia Chetaria2 dan Yang Di-Muliakan Pehin2 berserta dengan isteri2 mereka ketika menghadiri istiadat perbarisan kehormatan kerana sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-padang besar, Bandar Brunei.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir dan Y.A.M. Pengiran Anak Zarish turut juga hadir di-Istiadat Mengadap dan menyembahkan uchapan2 keshukuran kerana sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.



D.Y.M.M. ketika turun dari atas pentas khas sa-telah selesai upacara perbarisan kehormatan di-Kuala Belait pada pagi hari Ahad lepas.

Salah sa-buah di-antara lebuh dari 70 pasokan yang mengambil bahagian dalam peraduan perarakan kereta berpasir dan tanglong berjalan kaki bagi meraka hari keputeraan baginda yang ke-24, di-Bandar Brunei.



Perarakan kereta berhias kerana menyambut hari keputeraan baginda ia-lah salah satu achara yang paling menarik minat ramai. Dalam gambar ini kelihatan kereta berhias yang di-punyai oleh Jabatan Tali-gambar ini kelihatan kereta berhias yang di-punyai oleh Jabatan Tali-gambar ini mendapat hadiah kedua.



Gambar kanan menunjukkan dari kiri ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof; dan Yang Teramat Mulia Paduka Duli Pengiran Pemancha ketika dalam istiadat perbarisan kehormatan di-padang besar, Bandar Brunei.

Pengurniaan bintang2 dan pingat2

(Dari Muka 2)

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga — S.N.B.

Major C. D. B. Butler.

Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J.

Captain F. Morgan, Awang T. Kinnear, Awang M. J. Heineen, Awang Haji Abdul Aziz bin Bagawan Pehin Udana Khatib, Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Mohamad Taib dan Awang R. I. W. Ballantine.

Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah Ketiga — S.M.B.

Awang 'Abidin bin Abdul Rashid dan W. O. II L. G. Wright.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Bahgia Darjah Ke-empat — P.S.B.

Awang A.W. Jerrad, Awang F.X. Da Costa, dan Awang Haji Ibrahim bin Osman.

Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Pangkat Pertama P.H.B.S. I.

Pengiran Anak Mohamed Hassan bin Pengiran Sabtu Kemaluddin, Pengiran Anak Ahmad bin Pengiran Sabtu Kemaluddin, Pengiran Mohamed bin Pengiran Haji Ismail, Pengiran Anak Haji Mohamed ibni Al-Marhum D.P.B. Anak Abdul Rahman, Y.A.M. Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bin Bagawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Y.B. Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar bin Awang Rendah Captain Karim bin Muhamad, Yang Di-Muliakan, Pehin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir, Yang Di-Muliakan, Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Di-Raja Dato Paduka Awang Ali Husain bin Khatib Muhammed, Awang T. Cavanagh, Awang J. Livingston, Awang C. Gurguetti, dan Awang M.A. Bassett.

Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Pangkat Kedua P.H.B.S. II.

Sgt. Mustafa bin Chuchu, Sgt. Pengiran Hamid bin Pengiran Omarali L/C. Lamit bin Jamudin Awang Bandang bin Ambang Cpl. Johari bin Abdul Rahman Cpl. Basar bin Haji Salleh, P.C. Daud bin Md. Jaafar, P.C. Ak. Md. Yassin bin Pengiran Haji Md. Said, P.C. Bagol bin Momin dan P.C. Syed Omar bin Syed Salim.

Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K.

Yang Amat Mulia, Pengiran Di-pa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Mulia, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Mulia Dato Paduka Awang Md. Noor McAfee, Yang Mulia, Pengiran Sabtu bin Pengiran Othman, W.O. Sulaiman bin Ahmad, W.O. II Mohd. Don bin Abd. Latif, Sgt. Ismail bin Metarsad Cpl. Ahmad bin Rashid dan Cpl. Ishak bin Zainal.

Pingat Indah Kerja Baik — P.I.K.B.

Dayang Sino binte Haji Umar Dayang Pauline Liew Fung Yin Awang Basir bin Mohd., Salleh, Awang Haji Hanafiah bin Abdul-

lah, Pengiran Mohamed bin Pengiran Damit Matserudin, Awang Hanafiah bin Mohamed Ali, Awang Ahmad bin Kadi, Dayang Helen Chong Tet Kong, Pengiran Omar bin Pengiran Abas, Awang Abdul Wahab bin Haji Mohd. Said, Awang Mohd. Jamil bin Ahmad, Pengiran Haji Wahab bin Pengiran Merali, Awang Metussin bin Metarasat, Awang Hussin bin Ahmad, Awang Jumat Hussin bin Ahmad Awang Jumat bin Karudin Awang Mukim bin Hassan Pengiran Mohd. Kirfli bin Pengiran Haji Md. Yusof, Awang Manggong bin Jambol, Awang Misleel bin Haji Abdullah, Awang Muslim bin Burut, Pengiran Md. Said bin P. Jaya Negara P. Haji Abu Bakar, Awang Majid Khan bin Abdul Khan, Dayang Sung Su Yin, Awang Talip bin Meramit Awang Ahmad bin Bidin, Awang Bakir bin Sidek, Awang Othman bin Ahmad, Awang Md. Salleh bin Hj. Ibrahim, Awang Hussin bin Ismail dan Awang Sout bin Moksin, Awang Abd. Ghani bin Mohid, Awang Jubilee bin Jumat, Awang Haji Idris bin Md. Tahir, Cpl. 55 Awang Matvassim bin Moksin, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim, Awang Md. Hussain bin Md. Yusof, Awang Md. Yusof bin Awang Md. Tahir, Awang Anthony Chin, dan Awang Md. Yusof bin Ampuan Daud.

Pingat Kerja Lama Pulis

Sgt. 120 Awang Mohd. Rakawi bin Serang Mohamad.

Perarakan di-ayer

BANDAR BRUNEI. — Perarakan kapal2 dan perahu2 berchuchol akan di-adakan di-Kampung Ayer pada 26 Julai mulai pukul 7.30 malam. Perarakan tersebut ada-lah sa-bagai sa-bahagian dari rancangan perayaan sambutan Hari Keputeraan Dulj Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 bagi Daerah Brunei Muara.

Perarakan itu akan bermula dari Pulau Si-Bungor, la-nya kemudian melalui sepanjang Kampung Saba Ujong dan berakhiri di-hadapan Bandstand dekat Tambatan Kastam Di-Raja Brunei.

Penubohan pasukan pengakap asrama S.M. Muda Hashim

TUTONG. — Penulong Pe-surohjaya Pengakap Negeri Brunei Awang Shahbudin bin Saleh telah merasmikan penubohan Pasukan Pengakap Asrama Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong dibangunan sekolah itu pada hari Ahad lepas.

Awang Shahbudin dalam uchapan-nya telah menerangkan berbagai2 tugas2 Pengakap yang harus di-pelajari dan di-praktikkan dengan baik un-tuk faedah2 umum dengan tu-juan supaya mereka berbakti kepada masharifikat dan negeri.

Beliau juga menggesa kapa-da semua pengakap di-negeri

BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....14



Nama: Langguai dan anak-nya.

Penerangan: Langguai, salah satu tepak sireh yang di-gunakan dalam adat Brunei, juga menggambarkan tentang keindahan dan keahlian pertukangan orang2 Melayu Brunei. Langguai di-gunakan untuk menyimpan bahan2 makan si-reh. Sireh di-simpan di-indong langguai, sementara kapor, gambir dan pinang di-simpan dalam anak2 langguai yang di-letakkan di atas tudong langguai.

Dalam kebiasaan orang2 Melayu, langguai ada-lah untuk keperluan sa-harian sahaja sementara untuk majlis beradat atau tetamu akan di-hidangkan *tipa* atau *chala-pa*. Bagi puak2 di-pendalaman, langguai selain dari di-gunakan sa-bagai tepak sireh juga menjadi alat penyimpan bagi istiadat2 tudong langguai.

Di-pertengahan badan langguai ini terdapat lorekan naga yang berpusing mengelilingi badan langguai ini dan ukiran2 bunga seperti Bunga *Pagar Batu*, Bunga *Putar*, Bunga *Ladan* dan terdapat tiga jenis anak2 langguai di atas tudong sa-bagai chontoh sahaja. Sabenarnya indong dan anak langguai me-mang mempunyai sifat dan ukiran yang sama. Lobang2 kecil yang ada di-badan langguai itu ia-lah untuk menyimpan *kirai* (daun penggolong tembakau). Lorekan menarik minat pembeli dan tidak mempunyai apa2 keperchayaan terhadap si-penuang (lihat penerangan bagi Barang2 Muzium Brunei bil. 10 Maka tidak-lah hairan kalau jenis langguai yang besar ini terdapat di-darah2 pendalaman dan di-mileki oleh puak2 yang bukan Melayu. Lagi satu sebab ia-lah pembelian barang2 besar seperti langguai ini

lebih tinggi daripada di-Brunei sendiri. Pernah, menurut cherita, sa-orang pedagang melihat sa-biji langguai yang begitu besar sa-hingga sa-orang boleh berbaring di-atasnya!

Langguai ini di-buat dari tembaga dan di-perchayai buatan Brunei daripada kesan2 pekerjaan, penuangan dan ukiran yang di-dapat di-langguai ini.

Negeri Brunei memang-lah mas-hor dengan langguai tembaga-nya. Ada juga langguai yang di-buat daripada kayu yang selalu-nya ber-bentuk kecil.

Langguai ini di-beli di-luar ne-geri dalam tahun 1968.

Sukatan: Garis tengah 26½".

Tinggi 15¾".

JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Guru

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada guru2 terlatih untuk me-nohi jawatan2 kosong di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Pemohon2 yang terpilih akan di-temuduga di-Singapura, Malaysia atau Brunei dan Pemohon2 yang berjaya di-jangka akan mula berkhidmat dalam bu-lan Januari, 1971.

Kebanyakan daripada jawatan2 yang kosong ada-lah di-sekolah2 menengah aliran Melayu tetapi ada juga jawatan2 yang kosong di-sekolah2 menengah aliran Inggeris dan di-Maktab Latehan Perguruan.

Pemohon2 yang berjaya akan di-tempatkan dalam salah satu da-ri-pada sukan2 gaji yang berikut menurut kelayakan dan pengala-man:

a) Guru2 Terlatih tanpa ijazah — \$440 x 220 — 660 x 30 — 840.

b) Guru2 Terlatih Berijazah (Ijazah Lulus) — \$620 x 20 — 660 x 30 — 990.

c) Guru2 Terlatih Berijazah (Ijazah Honours) \$750 x 30 — 1,200.

Tempoh Perkhidmatan:

Satu kontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhid-matan boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mestii-di-pe-nohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapat di-raripada Pegawai Perja-watan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1hb. Ogos, 1970.

ini supaya memberikan ker-jasama mereka dengan pehak pulis untuk meleborkan kumpulan2 jahat yang merosakkan harta benda orang ramai saper-ti merusakkan kereta2, men-churi radio dan lain2 alat yang terjadi beberapa bulan lalu.

Awang Shahbudin juga telah menyampaikan lenchana kelas dua kapada Pengakap Pasokan itu.

Sementara Yang Di-Pertuan Majlis Pengakap Negeri, Awang Mohamed Ali bin Daud telah me-nyampaikan sijil2 kapada 12 orang Pengakap Pertubuhan itu yang telah berjaya mendaki Gunong Kinabalu di-Sabah baru2 ini.

Keadaan sekarang di-Brunei boleh di-rengkaskan dengan menyatakan bahawa dalam tahun 1963 13 orang telah terbunuh, 11 chedera parah dan 287 chedera rengan akibat kemalangan lalu lintas.

Supaya dapat menunjukkan gambaran yang di-berikan dengan chara jadual perangkaan, maka mesti-lah di-ingati bahawa chara penentuan yang di-gunakan oleh unit pengiran ia-lah:—

Terbunuh:- Mati sa-lepas 3 hari berlaku-nya kemalangan.

Chedera parah:- Lumpuh dengan kehilangan anggota dll. seperti yang di-tentukan oleh undang2 Penal Code atau undang2 Criminal Procedure Code.

Chedera rengan:- Puleh dalam masa tujuh hari dan/atau di-rawat sebagai pesakit luar di-rumah sakit tempatan.

Kenderaan:- Termasuk semua kenderaan bermotor yang berdaftar untuk lesen yang berjalan sekarang dan termasuk semua kelas kenderaan.

KEMALANGAN:-

	1967	1968	1969	Jumlah
Terbunuh				
Pemandu	2	1	1	4
Penumpang	4	6	4	14
Penunggang motosikal	3	-	1	4
Penunggang basikal	4	3	2	9
Orang2 ber-jalan kaki	3	7	5	15
Jumlah	16	17	13	46
Chedera parah				
Pemandu	1	4	1	6
Penumpang	9	8	1	18
Penunggang motosikal	4	4	3	11
Penunggang basikal	2	4	3	9
Orang2 ber-jalan kaki	2	6	3	11
Jumlah	18	26	11	55
Chedera rengan				
Pemandu	28	27	54	129
Penumpang	29	68	87	184
Penunggang motosikal	13	33	48	94
Penunggang basikal	38	28	42	108
Orang2 ber-jalan kaki	23	49	56	125
Jumlah	151	205	287	640
Pendaftaran kenderaan				
Kereta	1967	1968	1969	
Penumpang	6638	7462	8478	
Kenderaan perdagangan	1497	1060	1368	
Bas	87	102	115	

KESELAMATAN JALAN RAYA

SIRI KETIGA

Teksi Motosikal/ skuter	101	104	103
Kenderaan kerajaan	1377	1476	1057
	995	975	951

Jumlah orang yang terbunuh dan chedera di-pelbagai kumpulan tahun 1967, 1968 dan 1969 ada di-nyatakan dalam jadual yang di atas. Perbandingan yang di-buat dengan jumlah penduduk yang maseh hidup menunjukkan bahawa kemungkinan terlibat dalam satu2 kemalangan jalan raya telah bertambah dari 1 dalam 886 dalam tahun 1967 kapada 1 dalam 514 dalam tahun 1969.

Faktor2 yang belum di-berikan pertimbangan yang mana boleh memberikan kesan berat terhadap satu2 pendapat ia-lah:— jam berapa hari itu, hari apa minggu itu, bulan, chuacha, jenis jalan raya dll., simpang, kawasan penduduk, tanjong, dll.

Jumlah anggaran penduduk Brunei dalam tahun 1969 ia-lah 169,400. Dari jumlah ini kira2 21,000 orang tinggal di-kawasan Kampong Ayer yang terkenal itu dan kebanyakannya bergantong kepada kenderaan di-ayer tetapi oleh sebab mudah sampai ka-pekan besar Bandar Brunei, mereka terpaksa juga di-masukkan ka-dalam angka besar sebagai pengguna jalan2 raya.

Sa-bahagian peratus yang kecil dari penduduk2 Kampong luar bandar boleh pergi ka-kasarank2 bandar dengan hanya mengikut jalan sungai dan ini telah di-taksirkan berjumlah 5.6% dari jumlah penduduk.

Bakal2 pengguna jalan2 raya di-dalam kawasan bandar sama ada berjalan kaki atau sebagai penumpang atau pemandu kenderaan2 bermotor ia-lah: 94.4% dari jumlah penduduk.

(i) Jumlah kemalangan maanusing-bertambah bersamaan dengan bertambahnya kereta di-daftarkan.

(ii) Dari pelbagai jenis pengguna2 jalan — orang2 berjalan kaki (dewasa dan kanak2) dan penumpang2 dalam kenderaan2 ia-lah angka kemalangan maanusing yang tinggi sekali.

(iii) Angka kemalangan maanusing yang tinggi sekali ia-lah dalam kumpulan orang2 berjalan kaki.

Dari rengkasan ini dapat diketahui bahawa orang2 berjalan kaki lebh mudah menjadi mangsa dalam satu2 kemalangan lalu lintas, dan oleh yang demikian kemalangan kapada orang berjalan kaki ini mesti-lah di-berikan pengajaran yang lebh teliti.

Di-sekeliling orang2 berjalan kaki.

Masaalah penting ia-lah mengasingkan orang2 berjalan kaki dari kenderaan2 sama ada di-tempat bergerak atau waktu bergerak supaya orang2 berjalan kaki dan kenderaan2 tidak berada di-satu tempat dalam waktu yang sama. Oleh sebab sekatan menggunakan tenaga maanusing tidak begitu lengkap atau ekonomi, maka satu2 langkah penchegahan atau penglaksanaan mesti-lah bergantong kepada lain2 chara manchapai chita2 ini.

Dalam sa-tengah perkara, pengasingan telah di-chapai membentok kawasan2 kedai yang di-larang kapada lalu lintas kenderaan atau dengan mengadakan lorong2 atau jalan2 tambak bagi orang2 berjalan kaki bebas berjalan. Ini telah dapat di-jayakan sebanyak sedikit di-dalam Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait di-mana kaki2 lima di-hadapan kedai2 telah di-bena lebh tinggi sedikit dari permukaan jalan

raya. Sebagai satu langkah lagi bagi menchengah perchampor di-antara orang2 berjalan kaki dengan kenderaan2, kebanyakannya dari kedai2 itu di-berikan bertiang di-hadapan-nya, dan ini mengurangkan bahaya kenderaan2 melompat naik katas kaki lima dan menghadkan jauh berjalan-nya kenderaan2 yang tidak dapat di-kawal lagi semasa berlaku kemalangan.

Bagaimana pun ini tidak meliputi ka-seluroh negeri dan apabila di-luar dari kawasan kedai, jalan biasa untuk berjalan kaki di-gunakan. Ini memberikan peluang bagi kenderaan2 dan orang2 berjalan kaki berchampor di-sebabkan kekurangan kecekapan atau sengaja di-lakukan tanpa kesedaran. Selalu-nya perbuatan menyeberang dari satu kaki lima ka-satu kaki lima di-buat apabila pemandu dan orang berjalan kaki tidak begitu berjaga2 dan perbuatan menyeberang jalan di-buat tanpa kesedaran berfikir. Apabila kedua2 faktor ini bertembong, maka kemalangan pun berlaku.

Kanak2 (kelakuan di-jalan raya).

Kanak2 sedang bermain di dalam atau dekat kenderaan2 yang sedang berhenti atau di-kawasan2 di-mana jalan2 raya tidak mempunyai jalan2 kaki lima ada-lah terdedah kapada bahaya2 yang sama seperti kanak2 dan belia2 yang pergi berulang alek ka-sekolah mengikut jalan2 raya yang tiada berkaki lima. Dalam perkara yang sedemikian, hendak-lah di-adakan pagar2 besi dan jembatan2 untuk orang berjalan kaki, sungguh pun disifatkan sebagai penjaga keselamatan kejuruteraan, ada-lah satu chara melaksanakan pengasingan orang2 berjalan kaki dari kenderaan2.

Hanya beberapa faktor sahaja yang dapat di-gunakan kapada orang2 berjalan kaki dewasa dapat di-gunakan perkara ini.

Ada-lah di-ketahui bahawa dalam kebanyakan waktu hingga berumur 14 tahun, faktor2 pengertian dan tanggong jawab ada-lah maseh kurang. Pemikiran dan pergerakan ada-lah hasil dari mengikut perasaan atau kelakuan yang sewajar dengan kumpulan umur yang sedemikian.

(Bersambong)

SI-TUYU

oleh: m. salleh ibrahim



TITAH D.Y.M.M.

(Dari Muka 1)

di atas pada menegohkan perjanjian 1959 dengan Baginda Queen di-United Kingdom bagi Great Britain, maka barang sa-harusnya-lah pertimbangan2 mengenai usaha2 yang kurang mustahak di-kiasakan kapada betapa pentingnya pada mengelolakan pertahanan yang Beta maksudkan untuk Nege ri Brunei Darus-salam yang laila-raayat pendudok serta isi di-dalamnya.

Dengan sebab itu-lah dengan langkah2 yang sesuai mengenai dengan susunan yang munafaat, persahabatan dengan kerajaan United Kingdom, kerajaan Baginda Queen dan pada mengukuhkan perjanjian negeri Beta Brunei dengan Baginda Queen di-United Kingdom bagi Great Britain mengenai pertahanan bersama untuk mempertahankan dan mengawal keselamatan luar dan dalam Negeri Brunei yang kia-ta kasehi ini. Mudahang negeri kita Brunei ini dengan izin Allah Subuhanhu-wataala sa-laras dengan nama sebutan Brunei Darus-salam sa-lama2-nya. Beta perchaya raayat Beta yang di-kasehi sekalian akan sentiasa sedia faham terhadap perubahan2 ini tetapi menyedari bahawa semua-nya ini ada-lah sa-mata2 untuk ketenteraman dan keselamatan raayat dan Negeri Brunei Darus-salam supaya membolehkan mereka hidup dalam keadaan yang sempurna laila sentosa dan penyertaan yang effective dalam perkembangan2 sosial dan ekonomi negeri ini.

Alhamdulillah Beta suka-chita pada mengetahui bahawa sekarang sudah mula terdapat tenaga2 raayat Beta sendiri yang laila terlalih berkelulusan dan berkeparadaian dan ada juga demik sedikit2 berunsur2 laila berpengelaman ia-itu sa-bagai hasil dan usaha2 rajin laila tabah pada menuntut pelajaran yang selama ini telah di-lancharkan. Berhabit dengan ini Beta ingin menasihatkan bahawa sal-elok2nya kebolehan2 bagi melaksanakan tugas negeri ini di-amalkan dengan kejujuruan2 yang di-redzai Tuhan Rabul Alamin. Ada-lah pada menunjukkan yang menjadi tauladan2 yang sempurna laila sentosa-nya pembawaan setiap raayat pendudok serta laila isi negeri ini dari berjenis2 lapisan pereng-kat. Dari laila hasrat hati berikhlasan laila jujur yang di-titik beratkan oleh raayat pendudok dan laila isi Negeri Brunei Darus-salam melakukan kerajaan Beta ke-patohan itu keperibadian pada mengusahakan negeri ini ka-arah kesentosaan dan bahagia laila se-sajera dengan izin Allah Subuhanhu-wataala terpelihar dari ma-lapetaka harum sa-merbak sentosa sa-sajera dan laila bermutu ke-pe-ribadian.

Akhir-nya Beta menguchapkan tahniah dan penghargaan yang tinggi kapada angkatan bersenjata, Pu-lis Di-Raja, Askar Melayu Di-Raja Brunei, tentera Baginda Queen pada am-nya atas ketabahan paso-kan2 itu pada melaksanakan dan menghadapi tugas mereka dalam mengukuhkan lagi pertahanan kita Brunei Darus-salam ini. Melalui Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Beta dan raayat Beta yang di-kasehi sekalian menguchapkan sa-tinggi terima kaseh atas kerjasama yang telah di-berikan oleh kerajaan Baginda Queen itu. Bersempena hari kepu-terraian Beta ini, Beta sa-bagai yang Beta sebutkan tadi pada mengikrab-kan di-antara kerajaan Beta dengan kerajaan Baginda Queen yang telah berjalan dengan baik itu, Beta perchaya dengan izin Allah persa-habatan yang ikhlas ini akan te-us terpelihara demi untuk kepentingan kedua belah pihak. Sekian terima kasih."

Gambar kanan menunjukkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sedang di-ziarani oleh sauh sa-orang yang menguchapkan setamat baylor di-Lapangan terbang Berakas.

Duli Yang Teramat Mulia dengan di-sertai oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Su-fri Bolkiyah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jefri Bolkiyah, Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Bakti Laila Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Datu Per-dana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim, Yang Di-Mulia-kan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Dr. P. I. Franks, Yang Di-Mulia-kan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Haji Mohammad Taha bin Haji Bakir dan Yang Di-Mulia-kan Pehin Orang Kaya Indera Laila Dato Utama Awang Haji Ismail telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Kha-mis lepas.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-lapangan terbang untuk menguchapkan selamat baylor kapada ayahanda Baginda dan rombongan itu.

Turut juga menguchapkan selamat baylor ia-la Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Y.A.B. Menteri Besar, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan ketua2 jabatan kerajaan.

D.Y.M.M. saksikan perarakan tanglong

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri telah berangkat menyaksikan perarakan tanglong berjalan kaki di-Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Perarakan yang mengambil masa lebih satu jam itu telah ber-mulai dari padang SMJA dan ia-nya ada-lah salah satu achara sambutan hari keputeraan Baginda yang ke-24 tahun.

Duli2 Yang Maha Mulia telah menyaksikan perarakan tersebut dari atas sa-buah pentas yang dibina khas di-hadapan Pejabat2 kerajaan bersama2 dengan Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Lebih dari 10,000 orang telah menyaksikan perarakan itu di-tepi2 jalan yang di-lalui oleh perarakan.

Sa-banyak 71 buah pasukan yang mewakili persatuan2 belia, sekolah2, maktab2 jabatan kerajaan dan kampung telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

21 orang pengakap ka-Jambori M'sia

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 21 orang pengakap dan guru pengakap akan mewakili negeri ini ka-Jambori Pengakap Kebangsaan yang Kedua yang akan di-adakan di-Ayer Kroh, Negeri Melaka mulai 29



Sembah keshukoran M.B.

(Dari Muka 1)

usaha-bersama antara wilayah2 Brunei, United Kingdom dan Jepun.

"Usaha ini ada-lah merupakan satu perusahaan sa-chara besar2an dan ada-lah di-fahamkan, usaha dalam jenis ini ia-la yang terbesar sekali dalam dunia", sabda beliau.

Beliau yakin bahawa usaha ini juga akan banyak lagi membawa faedah besar kapada raayat dan pendudok2 negeri ini.

Mengenai kedudukan mata-wang negeri ini, Yang Amat Mulia itu mensifatkan-nya sa-bagai mempunyai kedudukan yang tegap de-ngan ada-nya penanaman modal di-saberang laut.

"Ini berarti raayat negeri ini mempunyai kebebasan yang luas bagi mendatangkan keperluan2 dari luar negeri dengan tidak mem-punyai sekatan2 yang menyusah-kan dari segi pertukaran wang antara bangsa", sabda beliau.

Dari segi kewangan pula, Yang Amat Mulia itu juga mensifatkan bahawa Brunei maseh lagi tegap kedudukan kewangan-nya.

"Brunei ia-la sa-buah negeri yang yunik kerana ia-nya tidak memerlukan hutang2 piutang dan tidak pernah menerima bantuan kewangan luar untuk membelanjai projek2 kerajaan", tegas beliau.

Dalam bidang kebijakan, Yang Amat Mulia itu menegaskan bahawa raayat dan pendudok negeri ini menikmati perkhidmatan2 per-ubatan yang lebuh lengkap yang menyebabkan juga bertambah tinggi-nya taraf kesihatan di-negeri ini.

Mengenai dengan kemajuan pe-leraan, beliau menekankan bahawa Brunei telah mula mempunyai tenaga2 yang terlalih, berkelulusan dan berkebolehan bagi menjawat dan menyempurnakan tugas2 ne-gara sama ada dalam sektor kerajaan maupun sektor pribit.

"Untuk memesahkan lagi kemajuan2 bidang pelajaran ini, maka Kerajaan telah melantek sa-buah suruhanjaya pelajaran bagi meng-kaji dan menyumbang kembali dasar2 pelajaran yang sesuai dengan ke-majuan zaman", sabda Yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Se-tia Negara berdatang sembah ka-pada Baginda bahawa bidang2 ke-majuan yang di-chapai itu ada-lah dengan ada-nya keamanan dan ke-selamatan serta kemakmoran.

"Alhamdulillah, dengan keaza-man pehak pasukan Pulis Diraja dan Askar Melayu Diraja Brunei



Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof.

bahu membahu dengan angkatan bersenjata dari kerajaan Baginda Queen, maka dapat-lah projek2 sosio-ekonomi itu di-lancharkan dengan mendatangkan nikmat kepada seluroh raayat dan pendudok2 negeri ini. Patek berdo'a se-moga keadaan serupa ini akan terus berkekal-an".

Yang Amat Mulia Pengiran Se-tia Negara telah juga menyembah keshukoran dan kegembiraan raayat dan pendudok2 negeri ini atas kelahiran puteri sulong baginda yang di-beri nama Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiyah.

"Meluaran ini ada-lah di-sifat-kan sa-bagai satu tuah besar ka-pada raayat dan negeri Brunei Darussalam yang terchinta ini, apatah lagi Paduka Adinda Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan paduka anakda Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiyah itu berada dalam kandongan sihat-wal afiat".

Akhir-nya Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara telah ber- datang sembah bagi menyatakan keshukoran dan sembah kaseh sa-yang dan taat setia yang tidak berbelah bahagi bagi pehak pegawai2 kerajaan, raayat dan pendudok negeri ini terhadap baginda dan kerajaan baginda.